

16/08/1997

Kunjungan pemimpin satu penghargaan

MIRI, Jumaat - Kunjungan dua pemimpin utama negara ke daerah ini dalam tempoh lima hari sejak semalam, bukan saja memberi peluang kepada rakyat beramah mesra malah disifatkan sebagai satu penghormatan besar terhadap usaha pembangunan yang dilaksanakan kerajaan negeri.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam, berkata kehadiran Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong semalam dan hari ini serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ini, adalah satu penghargaan buat penduduk daerah ini.

Justeru itu, beliau juga Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri mahu penduduk Miri melihat perkembangan itu sebagai petanda positif terhadap usaha menjadikan Miri sebagai bandar raya peranginan menjelang 2005.

"Kehadiran kedua-dua pemimpin utama negara ini ke sini meninggalkan kesan besar terhadap usaha kita untuk membangunkan negeri ini khususnya daerah Miri.

"Kita berharap rakyat turut merasainya dan selepas ini sama-sama berganding menjadikan impian melihat Miri sebagai bandar raya peranginan terunggul di negara ini tercapai," katanya ketika ditemui selepas menghantar balik Seri Paduka Baginda berdua di Lapangan Terbang Miri, hari ini.

(END)